

25/02/1998

SGI yakin MSC terus berkembang

PEMBUAT komputer kuasa tinggi Amerika Syarikat (AS), Silicon Graphics Inc. (SGI) yakin dengan zon multimedia masa depan Malaysia, Koridor Raya Multimedia (MSC) walaupun ekonomi rantau ini lembap, yang dijangka melambatkan pembangunan beberapa projek utama.

"Kami menyokong penuh idea itu serta yakin ia dirancang dengan teliti dan sudah tentu tidak akan dihentikan," kata Pengerusi SGI (Bahagian Pengeluaran Bukan AS), Bob Bishop.

Sebelum ini, Ketua Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah berkata krisis ekonomi yang melanda Malaysia akan memperlahankan pembangunan projek itu.

Kerajaan Malaysia membuat pelaburan RM10 bilion bagi prasarannya, termasuk sistem rangkaian telekomunikasi jalur lebar optik gentian.

Tabungannya pula dikembangkan kepada 35 peratus dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menjadi induk pembangunan MSC, menegaskan bahawa projek itu tidak akan ditangguhkan.

Menurut Bishop, SGI berminat dalam projek berkaitan pendidikan, reka cipta berbantuan komputer dan pembangunan kandungan spesifik Asia.

"SGI berhubung dengan dua universiti tempatan untuk bekerjasama dalam projek nyata maya dan institusi multimedia," katanya.

Beliau menegaskan, tidak mustahil terdapat beberapa syarikat berteknologi tinggi akan mengurangkan pelaburan mereka di MSC disebabkan masalah ekonomi, namun begitu MSC juga mampu menjadi batu loncatan di rantau ini selain mempercepatkan perkembangan ekonomi.

"Kami yakin teleperubatan dan pendidikan jarak jauh merupakan dua aplikasi yang akan pesat dibangunkan di sini dan dikembangkan ke negara seluruh dunia," katanya.

(END)